

Awasi jerat jahat Yahudi

PENDANG, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat berwaspada terhadap kumpulan-kumpulan Yahudi luar negeri yang sedang meningkatkan kegiatan untuk mengancam kestabilan ekonomi dan politik negara ini.

Perdana Menteri berkata, sejak kebelakangan ini, kegiatan musuh Islam itu semakin jelas, bukan sahaja menerusi akhbar dan majalah luar negeri, bahkan dengan memperalatkan rakyat tempatan.

"Rakyat, terutama umat Islam, mestilah mengawasi dan sedar akan niat buruk mereka untuk menghancurkan negara ini.

"Orang Yahudi bukanlah kawan kita, mereka adalah musuh kita. Segala tindakan mereka adalah untuk memusnahkan kita kerana mereka bermusuhan dengan kita," katanya ketika berucap di majlis kenduri korban di Kampung Paya Kerchut, dekat sini.

Beliau berkata, harapan musuh-musuh negara ini, khususnya akhbar-akhbar dan majalah luar negeri yang dimiliki sepenuhnya oleh orang Yahudi, ialah hendak melihat Malaysia menghadapi huru-hara dan hancur.

Dengan berbuat demikian, mereka berharap Malaysia akan hancur dan tidak lagi memberi sokongan yang kuat kepada perjuangan rakyat Palestin menentang orang Yahudi, ujarnya.

"Orang Yahudi tidak suka kepada orang Islam, tetapi akhbar dan majalah luar negeri ini memberi sokongan kuat kepada Pas supaya me-

nang dalam pilihanraya umum lalu. Mereka juga menyokong DAP.

"Harapan mereka kalau Pas dan DAP menang, sudah tentu huru-hara akan berlaku dan negara ini akan hancur," katanya.

Menurutnya, walaupun kedua-dua parti pembangkang itu kalah dan tidak dapat menubuhkan kerajaan, kumpulan Yahudi itu terus memberi sokongan kepada Pas dan DAP dengan memberi semangat baru supaya menentang kerajaan Barisan Nasional yang menang.

Perdana Menteri berkata, kumpulan Yahudi itu juga menggunakan majalah mereka untuk memberi gambaran yang tidak benar mengenai keadaan ekonomi dan politik dalam negara ini.

"Dalam negeri juga ada orang macam itu, yang selalu memberi sokongan, bukan kerana suka kepada parti Pas, tetapi kerana mereka tahu kalau Pas berkuasa huru-hara akan berlaku," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir mendedahkan, antara orang yang terpengaruh ialah golongan yang kononnya bijak dan pandai, termasuk beberapa pemberita dalam negeri yang bekerja untuk majalah luar negeri yang dimiliki oleh orang Yahudi.

"Ada di kalangan pemberita ini orang Melayu sendiri yang menulis pelbagai berita dan rencana untuk menimbulkan semangat di kalangan rakyat supaya menentang kerajaan.

"Kita kenal mereka dan kita sedih ada orang Melayu yang sanggup memperalatkan diri mereka untuk menjayakan cita-cita Yahudi," ujarnya.